



# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN UNIT INTEGRITI & GOVERNANS**

# **GARIS PANDUAN**

## **PENGURUSAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS**

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

**2019**

**Diterbitkan oleh**

**Cawangan Pembangunan,  
Bahagian Pengurusan Integriti Agensi  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>1. TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. LATAR BELAKANG</b>	<b>1</b>
<b>3. TAFSIRAN</b>	<b>2</b>
<b>4. OBJEKTIF GARIS PANDUAN</b>	<b>3</b>
<b>5. FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)</b>	<b>4</b>
<b>6. PERANAN PELAKSANA</b>	<b>4</b>
<b>6.1.</b> Peranan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)	<b>5</b>
<b>6.2.</b> Peranan Ketua Pegawai Integriti dan Governans/ <i>Chief Integrity and Governance Officer (CIGO)</i>	<b>6</b>
<b>6.3.</b> Peranan Pegawai Integriti dan Governans/ <i>Integrity and Governance Officer (IGO)</i>	<b>7</b>
<b>6.4.</b> Peranan Ketua Organisasi	<b>7</b>
<b>6.5.</b> Peranan Jawatankuasa Bebas	<b>8</b>
<b>6.6.</b> Peranan Lembaga Pengarah/ <i>Board of Directors (BOD)</i>	<b>8</b>
<b>7. MEKANISME PELAKSANAAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS</b>	<b>9</b>
<b>7.1.</b> Rangkaian Pengurusan Integriti dan Governans	<b>9</b>
<b>7.2.</b> Penarafan Risiko Organisasi	<b>10</b>
<b>7.3.</b> Pelantikan Pegawai Integriti dan Governans	<b>10</b>
<b>7.4.</b> Pengukuhan Kapasiti Pegawai Integriti	<b>11</b>
<b>7.5.</b> Program Pegawai Integriti Bertauliah	<b>12</b>
<b>7.6.</b> Pelaporan Unit Integriti dan Governans	<b>12</b>
<b>Jadual A Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans</b>	<b>14-17</b>

## **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan Unit Integriti dan Governans/ *Integrity and Governance Unit* (IGU) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies – GLC*), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri (selepas ini dirujuk sebagai “Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK)”).

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1.** Pada 25 Julai 2017, di *Invest Malaysia Kuala Lumpur 2017 (IMKL 2017)*, Kerajaan telah mempersetujui agar semua SBK menubuhkan IGU yang akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 2.2.** SBK adalah nadi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, di samping menjadikan kedudukan kewangan Malaysia lebih kukuh untuk mencapai hasrat Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020. Pada masa yang sama, ia juga merupakan organisasi penting yang begitu sinonim dengan harapan dan aspirasi rakyat. Lantaran itu, SBK perlu dipertingkatkan daripada sudut governans dan pengurusan integriti, agar dilihat setanding dengan syarikat-syarikat antarabangsa.
- 2.3.** Tujuan penubuhan IGU di SBK ini adalah untuk memastikan semua kakitangan mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Unit ini berperanan untuk melaksanakan empat fungsi teras iaitu:
  - a. Pengurusan Aduan
  - b. Pengesanan dan Pengesahan
  - c. Pengukuhan Integriti
  - d. Governans
- 2.4.** Langkah untuk memantap dan memperkuatkannya pengurusan integriti dan governans di SBK, khususnya dalam memastikan para pegawai dan kakitangannya menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti dalam governans korporat, perlu diberi perhatian yang serius bagi memastikan kepentingan pemegang taruh (*stakeholder*) sentiasa diutamakan, diperkasa dan dilindungi.
- 2.5.** Langkah ini turut memperlihatkan kesungguhan Kerajaan dalam memperkasakan tahap integriti SBK yang tidak akan sama sekali berkompromi di dalam isu-isu melibatkan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

- 2.6.** Gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan tidak boleh ditangani oleh SPRM secara individu, tetapi memerlukan penglibatan semua pihak termasuk SBK.

### 3. TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini:

- 3.1.** **“Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies – GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri (SBK)”** ertinya **organisasi** yang merupakan entiti berkepentingan Kerajaan yang merangkumi syarikat-syarikat di bawah kawalan langsung Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan mana-mana entiti yang berkepentingan Kerajaan. Ia juga termasuk sub-entiti di bawah kawalan entiti-entiti berkepentingan iaitu anak-anak syarikat (*subsidiary companies*), syarikat bersekutu (*associate companies*) dan syarikat minoriti (*minority interest companies*).

**“Entiti berkepentingan Kerajaan”** ertinya entiti-entiti yang mana Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun yang mempunyai pemilikan syer langsung dan syer tidak langsung organisasi tersebut atau entiti yang dibentukkan melalui perundangan yang berkuat kuasa serta milikan tersebut merupakan kepentingan mengawal.

**“Pemilikan Syer”** ertinya syer yang dimiliki oleh Kerajaan serendah 0.01% hingga 100% atau *Golden Share* melalui kepentingan mengawal.

Bagi maksud garis panduan ini, perkataan **“organisasi”** akan diguna pakai dengan merujuk kepada perkara 3.1. Tafsiran ini hendaklah dibaca bersama **Seksyen 3 Tafsiran “badan awam” dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) (Akta 694)** yang mana berkenaan.

- 3.2.** **“Unit Integriti dan Governans/ Integrity and Governance Unit (IGU)”** ertinya unit yang melaksanakan empat fungsi teras. Namun organisasi juga boleh menamakan sebagai Unit Integriti/ Jabatan Integriti/ Bahagian Integriti/ Sektor Integriti atau nama yang bersesuaian dengan struktur organisasi.
- 3.3.** **“Fungsi Teras”** ertinya empat fungsi teras IGU iaitu Pengurusan Aduan, Pengesahan dan Pengesahan, Pengukuhan Integriti dan Governans.
- 3.4.** **“Ketua Pegawai Integriti dan Governans/ Chief Integrity and Governance Officer (CIGO)”** ertinya pegawai yang mengetuai IGU di sesebuah organisasi. CIGO hendaklah setara dengan ketua jabatan lain, sebagai contoh Ketua Audit Dalam, Ketua Jabatan Risiko dan lain-lain.

- 3.5. “**Pegawai Integriti dan Governans/ Integrity and Governance Officer (IGO)**” ertinya pegawai yang menganggotai IGU dan berperanan membantu CIGO dalam pelaksanaan empat fungsi teras IGU.
- 3.6. “**Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)**” ertinya sebuah bahagian di SPRM yang diwujudkan khusus untuk mengawal selia, memantau dan menyelaras pelaksanaan fungsi IGU.
- 3.7. “**Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia/ Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA)**” ertinya sebuah bahagian di SPRM yang bertanggungjawab melaksanakan program latihan berkaitan pencegahan rasuah dan integriti sama ada di peringkat dalam negara maupun antarabangsa.
- 3.8. “**Pegawai Integriti Bertauliah/ Certified Integrity Officer (CeIO)**” ertinya individu yang telah menjalani Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) anjuran MACA dan berjaya ditauliahkan sebagai CeIO sebagaimana **Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009, Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, Siri 1 No.1 Tahun 2011 Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah**.
- 3.9. “**Ketua Organisasi**” ertinya individu yang mengetuai pengurusan harian organisasi contohnya Ketua Pegawai Eksekutif atau yang setaraf.
- 3.10. “**Lembaga Pengarah/ Board of Directors (BOD)**” ertinya lembaga yang dianggotai oleh individu yang dilantik oleh organisasi tersebut di bawah **Akta Syarikat 2016 (Akta 777)** atau melalui perundangan yang berkuat kuasa dan mempunyai kuasa pemutus dalam melaksanakan **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 1 No.1 Tahun 2018**.
- 3.11. “**Jawatankuasa bebas**” ertinya sebuah jawatankuasa bebas yang ditubuhkan khas untuk memantau pelaksanaan IGU dan membantu BOD mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi.
- 3.12. “**Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia/ Association of Certified Integrity Officer (ACeIO) Malaysia**” ertinya Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia yang ditubuhkan pada 23 Oktober 2013 dan didaftarkan di bawah Pertubuhan Pendaftar Malaysia. Persatuan ini berperanan sebagai rangkaian kerjasama di antara Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang mempunyai kepakaran dalam pencegahan rasuah serta pengurusan integriti di sektor awam dan swasta.

#### 4. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini adalah sebagai rujukan dalam pelaksanaan fungsi IGU di organisasi.

## 5. FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)

- 5.1. IGU di setiap organisasi adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan empat fungsi teras seperti di **Rajah 1**.




**Rajah 1: Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans**

- 5.2. Setiap IGU perlu melaksanakan kesemua empat fungsi teras. Namun begitu, kaedah dan skala aktiviti dalam melaksanakan fungsi-fungsi ini adalah berbeza di setiap organisasi mengikut keperluan dan kesesuaian organisasi. Penerangan fungsi teras IGU dijelaskan dalam **Jadual A Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans** di muka surat 14-17.

## 6. PERANAN PELAKSANA

Pelaksana adalah pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam memastikan pengurusan integriti lebih berkesan dan berstruktur serta memastikan setiap peranan yang ditetapkan dapat dilaksanakan bagi mencapai objektif di atas.



**Rajah 2: Pelaksana Unit Integriti Dan Governans**

### 6.1. Peranan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)

BPIA berperanan:

- mengawal selia, memantau dan menyelaras pelaksanaan pengurusan fungsi IGU;
- memberi khidmat nasihat dalam pelaksanaan fungsi IGU;
- melaksanakan penarafan risiko organisasi bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko organisasi dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan; dan
- mengumpul bahan-bahan pencegahan rasuah dan pengurusan integriti di peringkat dalam dan antarabangsa untuk rujukan IGU. Perkara ini dilaksanakan dengan kerjasama bersama entiti-entiti seperti ACeIO, universiti dan lain-lain.

## **6.2. Peranan Ketua Pegawai Integriti dan Governans/ Chief Integrity and Governance Officer (CIGO)**

CIGO adalah pemangkin yang mencetuskan budaya integriti melalui pelaksanaan empat fungsi teras iaitu Pengurusan Aduan, Pengesaran dan Pengesahan, Pengukuhan Integriti dan Governans. CIGO bertanggungjawab melapor terus kepada BOD berkenaan aktiviti-aktiviti dan isu-isu integriti di organisasi.

CIGO berperanan:

- a. memastikan kesegeraan, kepakaran dan kecekapan pengurusan risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di organisasi;
- b. melaksanakan fungsi IGU dengan berkesan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak dari dalam atau luar organisasi;
- c. mengelakkan elemen penolakan, tekanan, penyisihan, penafian atau tindakan tidak wajar di pihak organisasi;
- d. mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) dalam segala pelaksanaan tugas rasmi;
- e. menyelaras, menyelia, memantau dan menilai program integriti organisasi;
- f. menasihati Ketua Organisasi dalam perkara-perkara yang melibatkan isu integriti, rasuah dan salah guna kuasa;
- g. menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi yang menggariskan pelan tindakan antirasuah organisasi;
- h. melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan integriti organisasi dari semasa ke semasa bersandarkan kepada peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa;
- i. membuat penandaarasan program integriti dengan lain-lain organisasi bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan;
- j. mewujudkan hubungan baik dengan pihak Pengurusan Tertinggi organisasi bagi mengukuhkan kesedaran berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pelanggaran integriti;
- k. mewujudkan satu sistem aduan integriti yang sistematik bagi memastikan tindakan diambil ke atas setiap aduan mengenai salah laku jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

- I. menyelia tindakan pengesanan dan pengesahan terhadap aduan-aduan salah laku jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di organisasi yang diterima oleh IGU dan seterusnya memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil;
- m. merancang, melaksana dan menyelaras program pengukuhan integriti bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti pegawai dan kakitangan organisasi; dan
- n. memastikan governans terbaik dapat dilaksanakan dalam usaha untuk memperkuuhkan integriti pegawai dan kakitangan di organisasi serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

#### **6.3. Peranan Pegawai Integriti dan Governans/ *Integrity and Governance Officer (IGO)***

IGO bertanggungjawab melaksanakan empat fungsi teras IGU seperti di **Jadual A Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans** di muka surat 14-17.

#### **6.4. Peranan Ketua Organisasi**

Ketua Organisasi berperanan:

- a. memastikan peruntukan kewangan, logistik dan perjawatan IGU mencukupi supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi dengan cekap;
- b. mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) dalam segala pelaksanaan tugas rasmi sebagai ketua dan memimpin organisasi ke arah budaya kerja berorientasikan integriti dan governans yang baik;
- c. menentukan suasana kerja yang selesa dan harmoni antara IGU dengan bahagian/ seksyen/ unit lain dalam organisasi agar kerjasama erat dapat dibina;
- d. mempergiatkan aktiviti pembudayaan penginstitusian integriti dalam organisasi;
- e. menggalakkan warga kerja mempamerkan produktiviti kerja berorientasikan integriti dalam setiap tugas yang dilaksanakan;
- f. memastikan semua bahagian/ seksyen/ unit memberi kerjasama sepenuhnya kepada IGU dalam melaksanakan fungsinya; dan

- g. memastikan jawatan CIGO tidak boleh ditinggalkan kosong melebihi daripada satu bulan.

#### **6.5. Peranan Jawatankuasa Bebas**

Jawatankuasa bebas yang ditubuhkan khas untuk memantau pelaksanaan IGU dan membantu BOD mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi. Jawatankuasa bebas ini hendaklah melapor terus kepada BOD. Pengurus dan ahli jawatankuasa bebas adalah dilantik oleh BOD organisasi dimana bilangan ahli hendaklah tidak kurang dari lima orang.

Jawatankuasa bebas ini berperanan:

- a. mengawasi isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi;
- b. membantu BOD melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kebebasan rasuah, integriti organisasi dan governans yang baik serta mengawasi pelaksanaan IGU bagi mencapai objektifnya.

#### **6.6. Peranan Lembaga Pengarah/ Board of Directors (BOD)**

BOD memainkan peranan yang utama dalam mencorakkan iklim dan ton organisasi sama ada meletakkan integriti di landasan yang sepatutnya atau sebaliknya bagi memastikan hala tuju organisasi jelas dengan matlamat dan inisiatif yang dilaksanakan oleh IGU.

BOD mempunyai kuasa sepenuhnya dalam memberi persetujuan dan kata putus penubuhan IGU dan pelaksanaan empat fungsi teras IGU sebagaimana yang dinyatakan dalam **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 1 No.1 Tahun 2018** dan garis panduan ini.

BOD berperanan:

- a. memastikan struktur IGU yang berasingan dan bertanggungjawab terus kepada BOD supaya tidak timbul isu tekanan, penyisihan, penolakan serta tindakan tidak wajar di pihak organisasi;
- b. memastikan IGU melaksanakan fungsi teras IGU yang telah ditetapkan;
- c. memantau prestasi IGU melalui pelaporan; dan
- d. memberi arahan kepada IGU bagi memastikan IGU relevan sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam melestarikan integriti dalam organisasi.


## 7. MEKANISME PELAKSANAAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS



**Rajah 3: Mekanisme Pelaksanaan Unit Integriti Dan Governans**

### 7.1. Rangkaian Pengurusan Integriti dan Governans

- a. CIGO bertanggungjawab terus kepada BOD di dalam pelaporan isu-isu integriti yang wujud di organisasi. Namun begitu, dalam urusan pentadbiran harian, CIGO adalah bertanggungjawab untuk melapor kepada:
  - i. **BOD** - melapor terus pelaksanaan fungsi IGU.
  - ii. **Jawatankuasa Bebas** - merujuk kepada **perkara 6.5** peranannya dalam mengawasi pelaksanaan IGU.
  - iii. **Ketua Organisasi** - melaporkan urusan pentadbiran harian.
  - iv. **SPRM** - mengemukakan laporan pelaksanaan fungsi setiap enam bulan.
- b. Rangkaian Pengurusan Integriti dan Governans dalam konteks **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 1 No.1 Tahun 2018** adalah seperti di **Rajah 4**.



**Rajah 4: Rangkaian Pengurusan Integriti dan Governans**

### 7.2. Penarafan Risiko Organisasi

- BPIA bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko organisasi bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian.
- Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah dan penarafan semula risiko sesuatu organisasi dilaksanakan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

### 7.3. Pelantikan Pegawai Integriti dan Governans

#### a. Kriteria pelantikan CIGO dan IGO

- Organisasi yang dikelaskan sebagai berisiko tinggi adalah disyorkan jawatan Ketua Pegawai Integriti dan Governans/ Chief Integrity and Governance Officer (CIGO) atau Pegawai Integriti dan Governans/ Integrity and Governance Officer (IGO) diisi oleh skim Pegawai Siasatan SPRM. Manakala bagi yang berisiko sederhana dan rendah, jawatan berkenaan diisi oleh pegawai organisasi berkenaan.
- Ketua Organisasi boleh melantik CIGO dan IGO yang memenuhi syarat-syarat berikut:
  - prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan bebas daripada rekod tindakan tatatertib;
  - pengalaman bekerja tidak kurang daripada lima tahun;

- CIGO dan IGO hendaklah mengikuti Program CeIO dalam jangka masa tidak melebihi dari dua tahun dari tarikh menganggotai IGU; dan
- pelantikan CIGO dan IGO hendaklah mendapat persetujuan BOD bagi pegawai organisasi dan persetujuan SPRM bagi pegawai SPRM.

b. **Tempoh Perkhidmatan**

- i. CIGO dan IGO yang ditempatkan di IGU hendaklah berkhidmat di IGU sekurang-kurangnya tiga tahun.
- ii. Sekiranya belum mencapai tiga tahun, pertukaran pegawai hendaklah mendapat kelulusan daripada BOD bagi pegawai organisasi dan SPRM bagi pegawai SPRM.
- iii. Justifikasi pertukaran CIGO dan IGO hanya boleh dipertimbangkan atas dasar kepentingan organisasi dan perkhidmatan. Ini adalah bagi memastikan kelangsungan tugas dan fungsi IGU dapat direalisasikan dengan efisien dan efektif.

**7.4. Pengukuhan Kapasiti Pegawai Integriti**

a. **Kemahiran Tugas**

Berikut adalah antara kemahiran CIGO dan IGO yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa:

- i. penyeliaan dan pengurusan berorientasikan hasil dan pencapaian;
- ii. komunikasi dan interpersonal yang efektif;
- iii. pengesanan dan pengesahan maklumat mengenai perilaku rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan lain-lain kesalahan di bawah **ASPRM 2009 (Akta 694)**;
- iv. membuat keputusan;
- v. pengurusan risiko;
- vi. penulisan laporan dan membuat analisis;
- vii. menganalisis konteks organisasi secara menyeluruh dan komited kepada visi, misi dan nilai organisasi; dan

- viii. menganalisis dengan teliti dalam membuat pemeriksaan fakta dan dokumen.
- b. Selain daripada kemahiran yang dinyatakan di perkara **7.4 (a) (i-viii)**, setiap CIGO dan IGO perlu sentiasa membuat rujukan rentas organisasi dan global bagi mendapatkan bahan-bahan berbentuk amalan terbaik (*best practices*) dalam menjana kreativiti dan inovasi dalam pelaksanaan tugas IGU.

#### **7.5. Program Pegawai Integriti Bertauliah**

- a. Program CelO adalah sebuah program latihan yang dilaksanakan oleh MACA seperti yang diperuntukkan dalam **Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2009, Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, Siri 1 No.1 Tahun 2011 Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah**.
- b. Program ini bertindak sebagai rangkaian CelO dalam bidang pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dan menjadi pemangkin dalam organisasi-organisasi berkaitan bagi memupuk budaya kerja berintegriti dalam sektor awam dan swasta.
- c. Pegawai yang memegang jawatan CIGO dan IGO hendaklah mengikuti Program CelO anjuran MACA, SPRM.

#### **7.6. Pelaporan Unit Integriti dan Governans**

- a. Pelaporan perlu disediakan menggunakan templat khusus yang telah disediakan oleh BPIA dan dikemukakan kepada BOD dan urus setia BPIA setiap enam bulan iaitu sebagaimana ketetapan berikut:



- b. Pelaporan kepada urus setia BPIA hendaklah dihantar ke alamat dan e-mel seperti di bawah:

**Pengarah**

**Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)**

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Aras 8, Blok B,**

**No. 2, Lebuh Wawasan,**

**Presint 7, 62250 Putrajaya.**

**E-mel: t1@sprm.gov.my atau urussetiaui@sprm.gov.my**

**Jadual A**  
**Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans**

FUNGSI TERAS IGU	PENERANGAN
<p><b>1. PENGURUSAN ADUAN</b></p> <p>Pengurusan Aduan adalah berkaitan dengan pengurusan penerimaan maklumat/ aduan mengenai salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang sistematik bagi memastikan tindakan ke atas setiap maklumat/ aduan. Sehubungan itu, pengurusan aduan yang cekap adalah perlu dilaksanakan oleh pegawai yang ditempatkan di Sub-Unit Pengurusan Aduan. Fungsi-fungsi yang dijalankan di bawah Pengurusan Aduan adalah tidak terbatas kepada menyelia dan memantau pengurusan penerimaan aduan, tetapi pegawai-pegawai IGU yang ditempatkan di sub-unit ini juga bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan sistem aduan dilaksanakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mewujudkan satu Sistem Pengurusan Aduan IGU (manual/ online) dalam organisasi;</li> <li>b. menyelia, memantau dan menguruskan penerimaan maklumat/ aduan mengenai salah laku jenayah, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;</li> <li>c. Membawa maklumat/ aduan ke Jawatan Kuasa Menilai Maklumat yang dianggotai oleh min 2 orang pegawai dari IGU termasuk CIGO untuk menilai maklumat/ aduan tersebut untuk tindakan lanjut.</li> <li>d. memastikan maklumat/ aduan berkaitan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan diambil tindakan oleh Sub-Unit Pengesahan dan Pengesahan;</li> <li>e. memastikan maklumat/ aduan yang berkaitan pentadbiran atau tidak berkaitan dengan tindakan IGU dikemukakan kepada jabatan yang bersesuaian dalam organisasi untuk tindakan dalaman;</li> <li>f. memantau dan menyelia rekod pergerakan aduan masuk/ terima sehingga selesai;</li> <li>g. menganalisis trend/ jenis/ kategori aduan yang diterima;</li> <li>h. menyediakan Laporan Statistik Aduan secara berkala untuk pemantauan;</li> <li>i. mengadakan jalinan kerjasama dengan jabatan-jabatan lain dalam organisasi untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan Aduan;</li> <li>j. mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat bagi memastikan kerahsiaan maklumat dan pemberi maklumat dipelihara; dan</li> <li>k. mewujudkan saluran hebahan/ pemakluman kepada pihak penguatkuasaan supaya seseorang individu yang memerlukan perlindungan di bawah <b>ASPRM 2009 (Akta 694)</b> dan <b>Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)</b> dapat perlindungan dan kerahsiaan maklumat terjamin sebagaimana diperuntukkan di bawah kedua-dua akta berkenaan.</li> </ul> <p><b>Contoh Aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SOP Pengurusan Aduan IGU</li> <li>• Sistem Aduan Integriti Organisasi</li> <li>• Jawatankuasa Menilai Maklumat/ Aduan</li> <li>• Mewujudkan SOP Whistleblower Protection Policy serta menghebahkannya kepada semua warga organisasi</li> </ul>

**Jadual A**  
**Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans (Samb...)**

FUNGSI TERAS IGU	PENERANGAN
<p><b>2. PENGESANAN DAN PENGESAHAN</b></p> <p>IGU adalah bertanggungjawab untuk membuat pengesanan dan pengesahan terhadap aduan-aduan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima dan seterusnya memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melaksanakan tugas pengesanan dan pengesahan maklumat berkaitan rasuh, salah guna kuasa, penyelewengan, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;</li> <li>b. menyediakan laporan lengkap hasil daripada pengesahan yang dilakukan berserta ulasan dan syor IGO sama ada aduan perlu diedarkan kepada organisasi penguatkuasaan yang berkaitan;</li> <li>c. bagi isu pentadbiran dalaman organisasi, laporan perlu disemak oleh CIGO dan diedarkan kepada Bahagian Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya; dan</li> <li>d. bagi kes jenayah, laporan hasil pengesanan dan pengesahan hendaklah dilapor terus kepada agensi penguat kuasa yang berkaitan.</li> </ul> <p><b>Contoh Aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan dan penelitian terhadap Laporan Audit Dalam</li> <li>• Pembentukan Jawatankuasa Khas Siasatan</li> <li>• Penyediaan Pelaporan Siasatan</li> </ul>

**Jadual A**  
**Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans (Samb...)**

FUNGSI TERAS IGU	PENERANGAN
<p><b>3. PENGUKUHAN INTEGRITI</b></p> <p>Pengukuhan Integriti adalah tanggungjawab penting IGU di setiap organisasi bagi memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi dapat dicapai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Merancang, melaksana, menyelaras program pengukuhan integriti bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti organisasi;</li> <li>b. memantau, menyelaras, menganalisis prestasi dan pelaporan pelaksanaan program;</li> <li>c. menyediakan artikel/ input bahan bacaan pengukuhan integriti untuk penerbitan, cetakan, hebahan dan promosi kepada staf;</li> <li>d. membuat jaringan kukuh dengan Ketua Jabatan/ Sektor/ Unit dalam organisasi.</li> </ul> <p><b>Contoh Aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana Integriti – ceramah bulanan/ bingkisan/ buletin/ artikel</li> <li>• Ikrar Bebas Rasuah (IBR)</li> <li>• Kempen ‘No Gift Policy’</li> </ul>

**Jadual A**  
**Fungsi Teras Unit Integriti Dan Governans (Samb...)**

FUNGSI TERAS IGU	PENERANGAN
<p><b>4. GOVERNANS</b></p> <p>Fungsi ini berperanan untuk memastikan governans terbaik dalam usaha memperkuatkkan integriti pegawai dan kakitangan di organisasi serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</p>	<p>a. Membuat semakan dan kajian terhadap dasar, sistem dan prosedur kerja dan mencadangkan penambahbaikan;</p> <p>b. menyelaras penambahbaikan sistem prosedur organisasi yang berkaitan; dan</p> <p>c. menyelia dan memastikan pelaksanaan mekanisme governans terbaik.</p> <p><b>Contoh Aktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Malaysian Standard MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS)</i></li> <li>• Pelan Antirasuah Organisasi</li> <li>• Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat</li> <li>• Kod Etika Kerja Organisasi</li> <li>• ‘No Gift Policy’</li> </ul>

## **SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Ibu Pejabat SPRM  
No. 2 Lebuh Wawasan,  
Presint 7,  
62250 Putrajaya.

Tel: 03-8870 0000  
Fax: 03-8870 0901  
Portal: [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
<https://portaladuan.sprm.gov.my>  
Hotline: 1-800-88-6000



Muat turun aplikasi MACC Mobile

[App Store](#) | [Google Play](#) |  
[Windows Phone Store](#)